

Syamsul Debat kongsi tips bahagia dan produktif di tempat kerja

Oleh YAP SIONG HAN

KOTAKINABALU: Penceramah bebas, Syamsul Amri Ismail atau lebih dikenali sebagai Syamsul Debat menyampaikan perkongsian beliau bertajuk ‘Tips Cara Bahagia dan Produktif di Tempat Kerja’, dalam satu program yang berlangsung di Galeri Majlis UMS baru-baru ini.

Dalam perkongsianya, beliau menjelaskan antara punca gagal untuk mencapai kebahagiaan di tempat kerja adalah kerana sifat tidak bersyukur dengan pekerjaan yang ada, selain cenderung untuk melihat kekurangan orang lain.

“Kebanyakan kakitangan juga mempunyai perasaan bahawa apa yang mereka miliki pada hari ini, yakni kedudukan atau jawatan yang disandang adalah hasil usaha gigih mereka, walhal mereka lupa bahawa segala punca rezeki yang dikurniakan adalah dengan izin tuhan.

“Justeru, belajarlah untuk

menghargai apa yang dimiliki sama ada pekerjaan atau rezeki masing-masing, kerana masih ramai lagi orang yang kurang berasib baik dan tidak menikmati apa yang kita miliki pada hari ini,” katanya ketika dalam majlis itu.

Beliau turut berkongsi lima perkara yang perlu dilakukan untuk lebih produktif dalam pekerjaan serta berjaya dalam kerjaya.

“Untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya perlulah bersedia untuk melalui satu proses yang panjang, kerana indahnya sesuatu kejayaan itu bukanlah kepada hasil yang dicapai tetapi liku-liku perjalanan dalam menuju kejayaan itu.

“Selain itu, dalam pekerjaan perlulah mempunyai komitmen, fokus terhadap kerja, menerapkan elemen disiplin dalam menunaikan tanggung jawab, serta istiqamah dalam setiap pekerjaan yang dilaksanakan,” katanya.

Lebih 200 kakitangan UMS dari pelbagai jabatan, fakulti, pusat dan institut hadir dalam program



DARWIS (tengah) menyampaikan cenderamata kepada **Syamsul** sambil diperhatikan oleh **Abdul Jalil** (kiri).

anjuran Kesatuan Kakitangan Am UMS (KEKAUMAS) bersama Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMS.

Hadir sama pada majlis itu Ketua

Bahagian Perkhidmatan Akademik Darwis Awang yang mewakili Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof, dan Presiden KEKAUMAS Abdul Jalil Sapli.